

ISNIN, 20 OKTOBER, 1980

Waspada terhadap ajaran sesat

SEMASA menggulung perbahasan-perbahasan dalam Perhimpunan Agung UMNO yang ke-31 Julai lalu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah menekankan hakikat wujudnya kegiatan dakwah yang menyeleweng dan bahawa ia telah sampai ke peringkat yang membahayakan keselamatan. Malangnya amaran beliau itu dianggap oleh setengah pihak sebagai propaganda politik semata. Tetapi peristiwa malang di Batu Pahat minggu lalu membenarkan kebimbangan beliau. Walaupun kumpulan yang mengamuk di Batu Pahat itu tidak mempunyai hubungan dengan lain-lain kumpulan dan bertindak secara bersendirian, hakikat bahawa beberapa banyak kumpulan pengikut ajaran sesat yang lain lagi diketahui wujud di tempat-tempat lain, setengahnya telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa agama, kemungkinan tindakan-tindakan yang di luar kewarasan berlaku lagi tidak boleh ditolak begitu saja. Seperti yang berlaku di Batu Pahat, ajaran yang mereka terima begitu mengelirukan fikiran mereka sehingga sanggup melakukan tindakan yang tidak diterima akal. Jadi, nasihat Dr. Mahathir kelmarin supaya setiap pihak waspada terhadap kumpulan pelampau demikian bagi memastikan keamanan yang berterusan patutlah diikuti.

Huru-hara yang boleh ditimbulkan oleh pengikut-pengikut ajaran sesat tidak saja dalam bentuk fizikal dan ganas seperti di Batu Pahat dan di Kerling tidak lama dulu, tetapi juga dalam lain-lain bentuk. Perpecahan masyarakat telah pun berlaku di setengah-setengah tempat akibat berbagai ajarannya yang salah, termasuk menolak banyak daripada amalan agama yang biasa dan mengkafirkan semua yang tidak mengikut ajaran mereka. Kehuru-haraan dalam perancangan pembangunan dan penyusunan semula masyarakat juga boleh berlaku kerana penolakan setengah-setengah mereka terhadap segala yang berbentuk duniawi, termasuk pelajaran, menyebabkan terdapat pelajar-pelajar yang meninggalkan pelajaran atau sengaja menggagalkan diri dalam peperiksaan. Kehuru-haraan batin secara peribadi juga boleh timbul akibat ajaran yang merosakkan akidah seseorang Islam.

Kerana itu sedapat mungkin kegiatan-kegiatan melampau demikian haruslah ditentang dan dijauhi. Tetapi penentangan melalui undang-undang biarlah diserahkan kepada pihak berkuasa, bukannya pada tiap orang awam. Peranan yang patut dimainkan oleh orang ramai ialah melaporkan sebarang kegiatan demikian kepada pihak berkuasa agama atau pun polis. Selain itu ibubapa harus berusaha menguatkan lagi asas pendidikan agama kepada anak-anak mereka.